

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN:

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan laporan terperinci yang terkini mengikut negeri status perbelanjaan Program Imunisasi COVID-19 yang bernilai RM5 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah **RM4.80 billion** kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi perolehan vaksin dan logistik vaksin COVID-19 dan lain-lain perbelanjaan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

2. Sebanyak **RM3.9 billion** adalah bagi tujuan perolehan vaksin dan logistik vaksin manakala **RM900 juta** adalah bagi lain-lain perkara berkaitan PICK seperti bekalan pakai habis termasuk **Consumables dan Diluen** yang berjumlah **RM175 juta**. Ini termasuk keperluan perolehan *Low Dead Volume (LDV) Syringe and/or Needle* bagi memastikan penggunaan dos yang optima serta mengelakkan pembaziran dos bagi administrasi *multiple dose vial* vaksin COVID-19.

3. Selain itu, bagi mempercepatkan pelaksanaan PICK, Kementerian turut menggunakan peruntukan tersebut untuk **Penyumberluaran Program Imunisasi** melibatkan pengamal perubatan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) kesihatan dan syarikat swasta berkaitan kesihatan yang diselaraskan oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. berjumlah **RM310 juta** serta pembayaran suguhati kepada sukarelawan kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) serta lain-lain fasiliti berjumlah **RM227 juta**.

4. Sehingga **15 September 2021**, KKM telah membelanjakan sebanyak **RM3.16 billion** atau bersamaan **66%** bagi perolehan vaksin dan logistik vaksin. Keseluruhan perbelanjaan bagi pelaksanaan PICK pula adalah berjumlah **RM3.49 billion** atau bersamaan **73%**.

Sekian, terima kasih.